

Pameran ilmiah wajar diutamakan

B.H. m/s 11 22.3.07

MENYOROT kembali saranan Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim agar pameran di Muzium Negeri Sembilan bertemakan 'Hantu dan Jin' dihentikan, semua pihak wajar, disokong.

Walaupun pihak penganjur menyatakan masih ada manfaat yang boleh diambil daripada pameran berkenaan, saya berpendapat pameran itu tidak relevan.

Merujuk kepada kenyataan tokoh agama Datuk Abu Hasan Din Al-Hafiz, Mufti Perak, Datuk Seri Harusani Zakaria dan Mufti Perlis, Dr Mohd Asri Zainul Abidin yang disiarkan dalam *Berita Harian* pada 20 Mac lalu, seharusnya penganjur mendapatkan pandangan daripada pihak yang berkelayakan selain pihak muzium sendiri.

Rakyat Malaysia masih mendambakan pameran berbentuk ilmiah seperti pameran yang dianjurkan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti).

Melalui pameran seperti ini, kita melihat bagaimana penganjur dengan usaha sama Institut Sejarah Sains Islam-Arab, Johann Wolfgang Goethe University, Jerman berjaya mencapai objektif bagi membuka

minda masyarakat negara ini terhadap pentingnya mempelajari sains dan teknologi.

Tidak salah menyatakan pameran berkenaan menjadi suntikan semangat bagi rakyat negara ini agar bersungguh-sungguh dalam mendalami setiap ilmu yang diceburi dan memanfaatkan ilmu ke arah kebaikan.

Walaupun pameran berkenaan menjurus kepada tamadun Islam, bukan saja rakyat Malaysia yang beragama Islam hadir bahkan rakyat Malaysia bukan Islam turut mengambil manfaat daripada pameran itu.

Saya mencadangkan agar setiap penganjur sesebuah program mengkaji dan meneliti kewajaran sesuatu program diadakan, menjadikannya program yang berkesan dan berjaya mencapai objektif dengan tidak mengambil ringan pandangan orang ramai terutama pihak berkelayakan agar program itu benar-benar memberi kebaikan dan dapat dilihat dari sudut keutamaan dan kewajaran ia dianjurkan.

**SULASTRIRATNA
HARDYAKMAN,**

*Biro Penyelidikan dan Pembangunan-
Kelab Makruf, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia (UIAM).*